

Pelajar UniMAP Memenangi Emas Dalam Acara Taekwando Karnival MASUM 2009

Karnival Sukan MASUM 2009 telah diadakan pada 13 Mei hingga 17 Mei 2009 bagi fasa 1 dan 17 hingga 27 Mei 2009 untuk fasa 2 yang mana pelbagai acara telah dipertandingkan. Universiti Utara Malaysia telah dipertanggungjawabkan sebagai tuan rumah pada kejohanan kali ini yang turut mempertandingkan 22 acara. Kontinjen UniMAP telah menghantar peserta seramai 165 orang termasuk atlet dan pegawai.

Siri Kejohanan ini telah berlangsung dalam dua fasa iaitu Fasa 1 yang melibatkan acara seperti bola baling, bola keranjang, tenpin bowling, futsal lelaki dan wanita, kriket, ping-pong serta tenis. Manakala fasa 2 pula melibatkan acara seperti Karate-Do, Bola Tampar, Badminton, Sepaktakraw, Ragbi, Lawns Bowls, Bola Tampar Pantai, Squasy dan Golf.

Pada kejohanan fasa 2 ini pasukan Taekwondo UniMAP telah menyumbangkan 1 Emas dan 1 Gangsa dalam acara middle weight lelaki dan juga welther weight wanita serta pasukan Lawns Bowls bagi acara pairs telah menyumbangkan pingat perak. Ketua kontinjen Pasukan UniMAP untuk sukan

MASUM pada kali ini telah diketuai oleh En. Afizal bin Abu Othman selaku Pengarah Pusat Sukan. Penyertaan pada kali ini amat memberangsangkan dari segi prestasi atlet. Dalam banyak acara dan permainan yang dipertandingkan, para atlet dan pasukan telah berjaya layak hingga ke peringkat suku akhir dan separuh akhir dan ada juga yang mampu ke peringkat akhir. Tahniah buat pasukan Kontinjen UniMAP di atas komitmen dan semangat juang yang telah ditunjukkan dalam sukan MASUM ini.